



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 3/1974**

*Pungutan Hasil Bagi Tanah Di Bawah Daftar
Hakmilik Yang Rosak*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah tentang pungutan hasil tahunan bagi tanah-tanah milik di mana suratan hakmiliknya telah rosak iaitu kesemua ataupun sebahagian yang bertulis daripada suratan tersebut telah hilang ataupun tidak dapat dibaca.

2. Seksyen 93 Kanun Tanah Negara mengemukakan bahawa hasil yang kena dibayar berhubung dengan mana-mana tanah milik menjadi terhutang kepada Pihak Berkuasa Negeri. Istilah 'Tanah Milik' telah dijelaskan sebagai tanah di mana ada hakmilik berdaftar baginya. Daftar suratan hakmilik adalah disediakan di bawah seksyen 85(1)(a) bagi maksud pemberian milik dan ianya didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 88.

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah dinasihatkan bahawa sekiranya daftar hakmilik bagi mana-mana tanah telah rosak, maka tuannya mestilah diberitahu sedemikian. Bayaran hasil tanah tersebut bolehlah diterima tiap-tiap tahun dan kedudukan ini bolehlah dinyatakan kepada sesiapa yang membayarnya. Tindakan ini akan memastikan cukai tidak akan bertunggakan apabila suratan hakmilik yang baru didaftarkan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 136

Kuala Lumpur,
Februari, 1974.